

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	18/1/2020	MUKA SURAT : 39
JABATAN	:	SPAN / SAMB	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Melaka cari sumber alternatif, jamin tiada catuan air

Melaka: Melaka akan mengambil pendakatan terbaik untuk melindungi kepentingan rakyat bagi berdepan isu air susulan cuaca panas berpangangan dijangka berturut-turut hingga April depan.

Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata kerajaan negeri turut memberi jaminan tiada catuan bekalan air di negeri ini buat masa ini walaupun langkah itu sudah dimulakan di beberapa negeri susulan penyusutan paras air di empangan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan negeri terus menitikberatkan soal kesedaran penjimatan penggunaan air memandangkan keadaan cuaca panas di negeri ini dijangka berterusan hingga April.

"Kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) untuk memberikan maklumat dari semasa ke semasa kepada rakyat berhubung sebarang kerja pembaikan, tekanan air rendah mahupun gangguan disebabkan catuan dan kekurangan sumber air. "Kita juga akan terus mencari sumber alternatif bekalan air termasuk meningkatkan lagi tabung-bekalan air terus dari Johor. Ketika ini paras air di Empangan Durian Tinggi adalah 46

peratus dan kita percaya dengan adanya sumber alternatif ini rakyat akan terus mendapatkan bekalan air walaupun berlaku gangguan bekalan," katanya pada sidang media selepas melawat 250 penghuni Rumah Pangsa Tengker dan Galah Berang, sempena Tahun Baharu Cina, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ahli Parlimen Kota Melaka, Khoo Poay Tiong; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Mansor Sudin dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antitidada negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Laksamana, Low Chee Leong.

Sementara itu, di Shah Alam, Kerajaan Selangor akan menjalankan operasi pemantauan di lembangan sungai utama secara intensif sepanjang sambutan perayaan Tahun Baharu Cina untuk memastikan insiden pencemaran tidak berlaku.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Stan, berkata pemantauan pihaknya mendapati pencemaran kerap berlaku ketika sambutan perayaan yang menyebabkan



Adly menyampaiakan sumbangan kepada penduduk pada lawatan sempena Tahun Baharu Cina di Rumah Pangsa Tengker, semalam. (Foto: Khatrunisah Lokman/BH)

gangguan bekalan air selepas Loji Rawatan Air (LRA) terpaksa dihenti tugas.

"Pemantauan bermula hari ini (semalam) sehingga 31 Januari akan dilakukan di tiga lokasi iaitu

lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang.

"Dua lokasi utama akan diberi tumpuan adalah Sungai Selangor yang membekalkan 60 peratus sumber air manakala Sungai La-

ngat membekalkan 30 peratus dan Sungai Klang 10 peratus sumber air kepada penduduk Selangor; Kuala Lumpur serta Putrajaya," katanya pada sidang media Ops Sumber Air sempena sambutan Tahun Baharu Cina di sini, semalam.

Beliau berkata, operasi pemantauan itu diadakan 24 jam membabitkan 200 pegawai dan anggota Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS); Pengerusan AIR Selangor; Indah Water Consortium Sdn Bhd (IWK); polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Katanya, agensi lain adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); Unit Pengurusan Bencana Selangor; Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN); Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Ops ini akan diketuai LUAS, IWK pula diarah menjalankan pemantauan terhadap loji rawatan kumbahan (LRK) berskala besar di dua lembangan utama bagi memastikan semua LRK di bahagian hulu muka sauk sentiasa dikawal selia dengan baik.

"JAS dan PBT juga diminta memantau semua premis berlesen supaya mematuhi syarat lesen ditetapkan," katanya.